

KATA ADJEKTIF DALAM BIDANG PERUBATAN OBSTETRIK & GINEKOLOGI (O&G) MELALUI ANALISIS BUKU INFERTILITI HALA TUJU, CABARAN DAN SERIBU PENGHARAPAN

[AN ADJECTIVE WORDS IN FIELD OF OBSTETRICS & GYNECOLOGY (O&G) MEDICINE THROUGH MEDICAL BOOKS ANALYSIS IN INFERTILITI HALA TUJU, CABARAN DAN SERIBU PENGHARAPAN]

SITI NORIDAYU ABD. NASIR^{1*}
HAZLINA ABDUL HALIM¹
AHMAD SHUIB YAHAYA²

Abstrak

Penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tidak dapat disangkal dipisahkan dengan kepentingannya di Malaysia. Hal ini kerana, bahasa Melayu merupakan bahasa utama dan bahasa pertama digunakan dalam bidang pendidikan di Malaysia. Malahan penggunaan bahasa Melayu digunakan dalam bidang perubatan perbidanan dan sakit puan atau Obstetrik & Ginekologi (O&G) untuk menyampaikan ilmu kepada masyarakat melalui salah satu buku bertajuk *Infertiliti Hala Tuju, Cabaran dan Seribu Pengharapan* tulisan Niz Hazlina Nik Hussain dan Shaiful Bahari Ismail. Oleh itu, kajian yang dijalankan ini bertujuan melihat sejauh mana kepentingan penggunaan kata adjektif dalam penulisan buku bidang perubatan. Selain itu, kajian ini bertujuan menganalisis kewujudan dan pengulangan yang wujud dalam penulisan sebuah buku ini. Analisis data ini mengaplikasikan Teori Hassan & Halliday (1976) untuk menganalisis unsur pengulangan dalam penggunaan kata adjektif. Adalah diharapkan melalui kajian yang dijalankan ini dapat meningkatkan penulisan buku ilmiah dalam bidang perubatan untuk menyampaikan input penting kepada masyarakat umum. Hal ini kerana, penggunaan istilah perubatan yang saintifik menyukarkan sesuatu input berkaitan bidang O&G disampaikan secara terus kepada masyarakat umum.

Kata Kunci: kata adjektif, bidang O&G, Teori Hassan & Halliday (1976)

Abstract

The use of Malay as the language of knowledge is undeniably separated from its an importance in Malaysia. This is because, Malay is the main language and the first language used in education in Malaysia. In fact, the use of Malay language is used in the field of Obstetrics & Gynecology (O&G) to convey knowledge to the community through on of the books entitled

¹ Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia.

² Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia, 43400, Serdang, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author:

SITI NORIDAYU ABD. NASIR, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400, Serdang, Selangor, Malaysia.
Email: noridayu87_nasir@yahoo.com

'Infertiliti Hala Tuju, Cabaran dan Seribu Pengharapan' written by Niz Hazlina Nik Hussin and Shaiful Bahari Ismail. Therefore, this study aims to see the extent of an importance of the use an adjective words in writing medical books. In addition, this study will analyze the existence and repetition that exist in the writing of a book. This data analysis will use Hassan & Halliday's (1976) Theory to analyzed an element of repetition in the use an adjective words. It is hoped that through this study an improve the writing of scientific books in field of medicine to convey important input to the general public. This is because, the use of scientific medical terms makes in difficult for input related to the field of O&G to be communicated directly to the general public.

Keywords: an adjective words, Obstetrics & Gynecology (O&G) fields, Hassan & Halliday's (1976) Theory

Cite This Article:

Siti Noridayu Abd. Nasir, Hazlina Abdul Halim & Ahmad Shuib Yahaya. 2022. Kata Adjektif dalam Bidang Obstetrik & Ginekologi (O&G) melalui Analisis Buku *Infertiliti Hala Tuju, Cabaran dan Seribu Pengharapan*. *Asian Journal of Civilization Studies*. (AJOCS), 4(2): 43-57.

PENGENALAN

Buku ilmiah begitu penting untuk menyampaikan inti ilmu yang bermanfaat kepada manusia. Kepesatan pembangunan negara membuka ruang dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan di dunia. Tidak terkecuali ilmu sains yang begitu erat dengan alam dan manusia. Peringkatnya bidang sains tidak dapat disangkal lagi kerana keperluannya mencangkup pelbagai aspek untuk kehidupan manusia yang lebih baik. Oleh itu, menurut Idris Aman dan Benazir Tanjung Fatkur Rahman (2014:114) menyatakan bahawa wacana akademik atau ilmiah yang dimaksudkan di dalam penulisan adalah sama dengan wacana saintifik. Malahan, menurut Idris Aman dan Benazir Tanjung Fatkur Rahman (2014:114) lagi matlamat penulisan makalah adalah kebolehsampaian dan kebolehfahaman mesej atau pengetahuan di golongan sasaran, khususnya ahli kelompok. Oleh itu, wacana saintifik dalam bidang perubatan merupakan salah satu wahana ilmu di Malaysia yang perlu dikuasai oleh masyarakat. Menurut Idris Aman et al., (2014:190) menyatakan wacana yang dihasilkan bertujuan memperkatakan bidang ilmu tertentu dengan cara tertentu untuk kelompok sasaran tertentu.

Di dunia terdapat pelbagai cangkupan bidang ilmu yang penting kepada manusia. Ilmu pengetahuan menjadikan seseorang manusia boleh berfikir tentang sesuatu perkara dengan baik. Menurut Adibah Sulaiman @ Mohamad et al., (2016:93) menjelaskan pembangunan tamadun manusia berkait rapat dengan tahap penguasaan ilmu pengetahuan yang dimiliki masyarakatnya. Malah, menurut Adibah Sulaiman @ Mohamad et al., (2016:93) lagi menjelaskan ilmu adalah alat penting kepada individu yang membentuk sebuah institusi keluarga dan sebuah masyarakat yang berperanan sebagai Pembina sesebuah tamadun. Dalam ketamadunan manusia, bidang perubatan merupakan salah satu bidang sains yang penting kepada kehidupan manusia. Menurut Muhammad Faris Iqbal Zaidi et al., (2018:219) menjelaskan sains Islam ialah ilmu pengetahuan yang tersusun, sistematik, dapat diuji dan dibuktikan kebenarannya serta perkara ini penting juga banyak kebenaran dalam kehidupan manusia. Rentetan itu, penyebaran melalui penulisan buku dalam bidang sains perubatan menjadi salah satu cabang ilmu yang bermanfaat.

Oleh yang demikian, penulisan buku ilmiah dalam bahasa Melayu menjadi salah satu medium penyampaian maklumat kepada masyarakat. Malah, zaman era globalisasi yang membolehkan pelbagai bahan bacaan ilmiah diakses hanya di hujung jari. Menurut Mohammad Zakuan Mohd Fadzil et al., (2018:263) menjelaskan akses terbuka mengandungi segala jenis

bahan daripada yang bersifat umum sehinggalah artikel jurnal ilmiah, saintifik dan berkualiti. Bahan ilmiah saintifik yang ditulis dalam bahasa Melayu juga mudah diakses melalui laman sesawang. Hal ini demikian kerana, masyarakat di Malaysia lebih mudah memahami pembacaan yang menggunakan bahasa rasmi di Malaysia. Antara bidang yang begitu penting dalam kehidupan manusia adalah bidang perubatan. Menurut Noraein Mansor dan Noor Rohana Mansor (25:2015) menyatakan bahawa bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tinggi negara yang masih melalui proses untuk mencapai tahap ketertinggian kedudukannya selaras dengan status yang termaktub sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu negara.

Hal ini kerana, bidang perubatan merupakan cabang sains dalam memperbaiki taraf hidup dan kesihatan manusia. Peredaran masa membawa kepada penemuan teknologi yang semakin canggih untuk membantu menyelamatkan nyawa manusia. Malahan cangkupan kemajuan dalam bidang perubatan juga dapat membantu masalah dalam perkahwinan. Oleh yang demikian, penerbitan dalam bahasa Melayu dapat menyampaikan maklumat kepada seluruh masyarakat di Malaysia. Menurut Mohammad Fadzeli Jaafar, Idris Aman dan Norsimah Mat Awal (2015) penulisan ilmiah bahasa Melayu dalam wacana sains tulen memperlihatkan ciri yang objektif, logik dan ketepatan dalam penyampaian maklumat.

Rentetan itu, bidang perubatan perbidanan dan sakit puan atau lebih dikenali sebagai Obstetrik & Ginekologi menjalankan penyelidikan untuk membantu masalah ketidaksuburan manusia. Maka penulisan dalam bidang perubatan disampaikan kepada masyarakat dalam bahasa Melayu. Antara buku yang menjadi penyampai maklumat tentang ketidaksuburan adalah buku yang bertajuk *Buku Infertiliti Hala Tuju, Cabaran dan Seribu Pengharapan*. Menurut Nik Hazlina Nik Hussain dan Shaiful Bahari Ismail (2010:1) menyatakan bahawa *infertiliti* atau masalah ketidaksuburan merupakan sebab utama pasangan yang telah berkahwin tidak memperoleh anak. Oleh itu, makna *infertiliti* adalah tentang ketidaksuburan manusia yang memerlukan pendedahan ilmiah kepada masyarakat.

Maka, kajian yang dijalankan ini bertujuan menganalisis penggunaan kata adjektif dalam bahasa Melayu yang digunakan dalam penulisan ilmiah bidang perubatan perbidanan dan sakit puan. Hal ini demikian kerana, kata adjektif merupakan aspek tatabahasa yang digunakan dalam penulisan ilmiah melibatkan penggunaan bahasa Melayu standard. Menurut Nik Safiah Karim et al., (2015:213) menyatakan perkataan yang menjadi unsur (inti) dalam ayat yang melibatkan frasa adjektif. Oleh yang demikian, kata adjektif hadir dalam binaan ayat bahasa Melayu yang menjadi salah satu unsur yang perlu digunakan untuk melengkapkan penulisan ilmiah. Menurut Mariyati Haji Mohd Nor (2015:5) pula, frasa adjektif boleh terdiri daripada hanya satu adjektif atau beberapa perkataan yang mengandungi kata adjektif serta unsur-unsur keterangan lain seperti kata penguat dan kata bantu. Oleh yang demikian, kajian ini mempunyai dua objektif kajian, iaitu, mengelaskan penggunaan kata adjektif mengikut sembilan pengelasan *Tatabahasa Dewan* serta menganalisis unsur pengulangan kata adjektif berdasarkan Teori Hassan & Halliday 1976.

PERMASALAHAN KAJIAN

Penulisan ilmiah dalam bidang sains hayat lazimnya digarap menggunakan bahasa Inggeris. Hal ini kerana, bahasa Inggeris merupakan lingua franca moden dalam penyampaian ilmu pada masa kini. Oleh yang demikian, pelbagai cabang ilmu dapat disampaikan kepada masyarakat umum melalui penggunaan satu bahasa yang boleh difahami di seluruh dunia. Namun begitu, tidak semua sasaran pembaca memahami input yang disampaikan menggunakan bahasa Inggeris yang menjadi bahasa kedua kepada individu. Di Malaysia penggunaan bahasa Melayu menjadi bahasa utama yang digunakan dalam kehidupan harian.

Oleh yang demikian, bidang perubatan berkaitan penyakit begitu penting untuk difahami melalui penulisan ilmiah. Salah satu cabang penting dalam bidang perubatan adalah bidang perbidanan dan sakit puan atau dikenali juga sebagai bidang Obstetrik dan Ginekologi (O&G) yang penting kepada kaum hawa di Malaysia. Menurut Hashim Musa et al., (2014:18) menjelaskan bahawa pendapat ahli akademik, para sarjana dan peramal masa hadapan menegaskan bahawa penyampaian ilmu pengetahuan dalam bahasa indigenus atau tempatan penduduknya, iaitu bahasa Melayu di Malaysia, Indonesia dan Brunei adalah untuk kecekapan pembelajaran, pembinaan daya sumber manusia masyarakat, pemupukan jati diri serta integrasi dan perpaduan negara bangsa juga pemeraksanaan masyarakat. Maka, penggunaan bahasa Melayu dalam bidang perubatan bertujuan memberikan pemahaman kepada pembaca di Malaysia.

Namun begitu, penggunaan bahasa Melayu mempunyai pelbagai cabang dalam tatabahasa yang mempunyai fungsi tertentu. Salah satunya adalah penggunaan kata adjektif yang mempunyai sembilan pembahagian dalam Tatabahasa Dewan Bahasa Melayu yang menjadi sumber rujukan utama dalam aplikasi serta hukum yang melibatkan bahasa Melayu rasmi. Menurut Nurul Ain Alizuddin dan Nik Nur Athirah Nik Mohd Arif (2021:114) menjelaskan bahawa kesilapan dalam bahasa Melayu boleh berlaku disebabkan kekeliruan seseorang penutur terhadap perbezaan laras-laras bahasa yang seharusnya digunakan dalam konteks tertentu. Penggunaan laras bahasa perubatan yang memfokuskan kepada bidang ilmu perbidanan dan sakit puan mempunyai tujuan dan maklumat tertentu yang disampaikan. Oleh itu, pentingnya penggunaan kata adjektif sebagai salah satu elemen tatabahasa bahasa Melayu yang mempunyai peranannya.

Oleh yang demikian, kajian lepas berkaitan keperluan penggunaan bahasa tempatan yang melibatkan bahasa Melayu di Malaysia menjadi permasalahan dalam kajian ini. Hal ini demikian kerana, buku *Infertiliti Hala Tuju, Cabaran dan Seribu Pengharapan* merupakan salah satu buku dalam bidang perbidanan dan sakit puan yang membincangkan tentang masalah kesuburan wanita yang menjadi agenda penting kepada kaum hawa dan pasangan yang berkahwin di Malaysia. Malah, dalam penggunaan bahasa Melayu yang melibatkan laras bahasa perubatan menggunakan pelbagai aspek tatabahasa seperti kata adjektif dalam penyampaian maklumat yang digarap pengarang.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bertujuan:

- i. Melihat sejauh mana kepentingan penggunaan kata adjektif dalam penulisan buku bidang perubatan.
- ii. Menganalisis kewujudan dan pengulangan yang wujud dalam penulisan sebuah buku *Infertiliti Hala Tuju, Cabaran dan Seribu Pengharapan*.
- iii. Mengaplikasikan Teori Hassan & Halliday (1976) untuk menganalisis unsur pengulangan dalam penggunaan kata adjektif.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian bersifat analisis kandungan dalam teks buku ilmiah. Item kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah buku ilmiah dalam bidang perubatan perbidanan dan sakit puan yang melibatkan laras bidang perubatan. Buku ini hasil tulisan pakar dalam bidang perubatan perbidanan dan sakit puan yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Malah, kajian ini merupakan kajian yang mengaplikasikan kaedah kepustakaan yang menggunakan rujukan ilmiah daripada bahan bertulis yang mempunyai kesahan. Ia melibatkan

rujukan daripada buku ilmiah, penerbitan artikel dalam jurnal, kertas kerja daripada seminar dan nota berkaitan kajian yang dijalankan ini.

Dalam kajian ini Teori Hassan dan Halliday (1976) diaplikasikan untuk proses analisis data kajian. Unsur perulangan menjadi fokus utama dalam analisis data kajian yang melibatkan teori wacana yang digunakan. Hal ini kerana, unsur perulangan menunjukkan sejauh mana peri pentingnya penekanan penggunaan kata adjektif yang digunakan dalam penulisan. Pengulangan yang lebih kerap memberikan penekanan yang lebih berkesan kepada pembaca. Malah, pengulangan berlaku dengan tujuan tertentu pada penyesuaian susunan sesuatu ayat yang ditulis. Wacana dalam bidang perubatan mempunyai terma istilah tertentu tetapi disampaikan dalam bahasa yang lebih mudah yang menyebabkan kekerapan pengulangan berlaku yang melibatkan kata adjektif bahasa Melayu. Selain itu, dalam teori ini menekankan tautan yang menjadi set yang berkemungkinan wujud dalam bahasa untuk menjadikan teks yang berkesatuan. Hassan dan Halliday melihat tautan makna dari sudut nahuan dan tautan leksikal dalam teks ayat. Oleh itu, kohesi menunjukkan wujudnya jalinan dalam ujaran bentuk ayat dalam pembentukan teks penulisan ayat. Ia bertujuan menghubungkan sesuatu makna yang terdapat dalam unsur kohesi tersebut.

Selepas itu, perulangan yang wujud dalam teks kajian yang bertujuan menunjukkan sesuatu makna melibatkan penggunaan kata adjektif. Analisis wacana dalam Teori Hassan dan Halliday (1976) bersandarkan kepada sembilan pengelasan kata adjektif dalam Tatabahasa Dewan Bahasa Melayu yang melibatkan kata adjektif sifatkan atau keadaan, kata adjektif ukuran, kata adjektif jarak, kata adjektif waktu, kata adjektif cara, kata adjektif bentuk, kata adjektif warna dan kata adjektif pancaindera. Hal ini demikian kerana, kata adjektif merupakan kata yang mengalami pengulangan dalam teks yang menjadi kohesi kepada pembentukan teks penulisan.

KEPENTINGAN KAJIAN

Bahasa adalah medium penyampai maklumat dalam pelbagai sarana ilmu di dunia. Bidang perubatan mempunyai kepentingan kepada semua masyarakat di dunia kerana melibatkan perjalanan kehidupan setiap individu. Terutamanya bidang perbidanan dan sakit puan yang membincangkan tentang aspek kesihatan wanita. Di Malaysia masalah kesuburan wanita dan pasangan memberikan kesan kepada kadar kelahiran yang melibatkan pasangan yang telah mendirikan rumah tangga. Kehidupan berpasangan diserikan lagi dengan kehadiran zuriat untuk melengkapkan kehidupan mereka. Namun begitu, tidak semua pasangan yang berkahwin mempunyai zuriat.

Oleh itu, penulisan ilmiah dalam bahasa Melayu tentang kesuburan diperjelaskan oleh pakar perubatan bertauliah dalam bidang Obstetrik dan Ginekologi (O&G) di Malaysia. Maka, penulisan ilmiah dalam bahasa Melayu dapat memberikan pemahaman yang lebih baik kepada pembaca yang mengalami masalah kesuburan selepas perkahwinan. Ia memberikan jalan kepada mereka untuk bertindak melalui ilmu yang mudah difahami. Hal ini kerana, bahasa Melayu menjadi bahasa utama dan bahasa rasmi di negara ini. Dalam laras bahasa perubatan yang digunakan terdapat sembilan pecahan kata adjektif yang mempunyai fungsi tertentu. Ia melibatkan kata adjektif sifatkan atau keadaan, kata adjektif ukuran, kata adjektif bentuk, kata adjektif warna, kata adjektif pancaindera, kata adjektif jarak, kata adjektif perasaan, kata adjektif cara dan kata adjektif waktu.

Kemudian, kata adjektif sifatkan atau keadaan penting bagi menunjukkan sifat atau keadaan yang berlaku apabila berlakunya masalah dalam kesuburan pasangan dengan memperlihatkan sesuatu yang melibatkan keadaan emosi manusia. Ia penting dalam menarik pembaca menghayati keadaan yang berlaku melibatkan emosi atau tidak dalam masalah kesuburan pasangan yang berkahwin. Kata adjektif ukuran digunakan kerana kepentingannya

dalam menunjukkan ukuran tenang sesuatu melibatkan amaun atau tidak supaya lebih mudah difahami pembaca. Pengukuran dalam bidang perubatan mempunyai ketelitian dengan melihat usia, masalah dan aspek keperluan pesakit. Oleh itu, penggunaan kata adjektif ukuran ini penting untuk memberitahu nilai ukuran tentang sesuatu melibatkan rawatan kesuburan. Dalam kata adjektif bentuk pula memfokuskan kepentingan fungsinya dalam menunjukkan sesuatu bentuk yang berlaku dalam aspek kesuburan pasangan berkahwin. Bentuk ini melibatkan sesuatu yang bersifat boleh dilihat atau abstrak. Namun begitu, perlunya kata adjektif bentuk untuk memberikan pemahaman lebih jelas tentang sesuatu bentuk kepada khalayak pembaca.

Seterusnya, kata adjektif warna dalam penulisan buku tentang kesuburan mempunyai kepentingan untuk memperlihatkan sesuatu dengan simbol warna. Malah, warna juga membolehkan khalayak pembaca mengetahui sesuatu yang melibatkan kesuburan dengan warna tertentu yang terjadi atau digunakan. Bagi kata adjektif pancaindera pula memperlihatkan tentang anggota anatomi manusia yang terlibat dalam masalah kesuburan pasangan berkahwin dan sebagainya dengan tujuan tertentu ia ditulis kepada pembaca. Manakala kata adjektif jarak pula ditulis bagi menunjukkan sesuatu jarak yang melibatkan proses dalam masalah kesuburan manusia yang berlaku. Bagi kata adjektif perasaan merupakan antara kata adjektif yang begitu penting dalam memainkan emosi pembaca bagi melihat bagaimana perasaan seseorang yang tidak dikurniakan zuriat dalam perkahwinan mereka. Dalam kata adjektif cara pula bertujuan dengan kepentingannya untuk memperlihatkan cara yang digunakan dalam masalah kesuburan pasangan berkahwin. Kata adjektif waktu juga penting dalam penulisan ilmiah melibatkan masalah kesuburan kerana dapat menunjukkan jangka masa waktu yang berlaku dalam sesuatu tempoh yang melibatkan proses rawatan masalah kesuburan.

Rentetan itu, penggunaan sembilan kata adjektif dalam penulisan ilmiah bidang perbidanan dan sakit puan mempunyai kepentingannya kepada khalayak pembaca. Malah, ia berfungsi dalam memberi pemahaman yang lebih baik kepada pembaca tentang proses dan masalah kesuburan dalam perkahwinan. Selain itu, kata adjektif penting dalam penulisan yang melibatkan bahasa Melayu kerana mempunyai sembilan pecahan yang melibatkan pelbagai aspek yang perlu difahami oleh khalayak pembaca. Kata adjektif dapat membantu memperkukuhkan lagi penulisan yang mempunyai input penting tentang penulisan yang melibatkan laras bidang perubatan. Hal ini demikian kerana, bidang perubatan yang melibatkan perbidanan dan sakit puan melibatkan kesihatan, nyawa serta keharmonian kehidupan wanita di Malaysia.

SOROTAN KAJIAN

Kajian lepas lazimnya memberikan idea baharu kepada penyelidik untuk menjalankan kajian lain. Oleh itu, kajian yang berkaitan perlu menjadi bahan bacaan penyelidik bagi mengetahui kelompangan yang wujud dalam kajian berkaitan penggunaan kata adjektif dalam penulisan ilmiah dalam bidang perubatan. Maka sorotan kajian lepas melibatkan kata adjektif, bidang perubatan Perbidanan dan Sakit Puan (O&G), penulisan ilmiah dan Teori Hassan dan Halliday 1976 menjadi rujukan kajian yang dijalankan ini. Malah, analisis dalam kajian lepas dilihat melalui teori, aplikasi dan hasil dapatan kajian untuk menjalankan kajian ini.

Aspek kata adjektif dikaji oleh Nur Hafizah Razali dan Normaliza Abd Rahim (2016) adalah tentang kata adjektif dalam ujaran masyarakat Banjar. Tujuan kajian dijalankan bagi mengenal pasti serta membincangkan makna kata adjektif dalam ujaran masyarakat Banjar. Hasil dapatan kajian memperlihatkan istilah dan makna dalam sesuatu bahasa mempunyai perbezaan walaupun dalam rumpun yang sama. Oleh yang demikian, bahasa Banjar tergolong dalam rumpun yang menggunakan bahasa Melayu tetapi tetap wujudnya istilah yang berbeza digunakan. Malah, kajian tentang bahasa Banjar boleh dikaji dengan melihat secara mendalam

tentang kata adjektif warna, ukuran dan lain-lain. Norliza Haji Jamaluddin (2012) menjalankan kajian ilmiah tentang kata adverb atau kata sifat. Kajian dijalankan bertujuan menjelaskan kata adjektif yang menggunakan bahasa Melayu sebagai penerang kata kerja. Malahan kajian ini menggunakan teori golongan kata yang lazimnya digunakan dalam bahasa Inggeris untuk menerangkan kata kerja sebagai adverba (adverba cara). Malahan kajian yang dijalankan ini membincangkan tentang penelitian dalam data korpus yang menggunakan teknik gatra dan pengisi (*slot and filler*). Kajian menunjukkan bentuk yang terhasil daripada teknik yang gatra dan pengisi yang digunakan menghasilkan (kata nama inti dan unsur penerang) juga (kata nama inti dan kata sifat penerang). Kepentingan penggunaan data korpus berkomputer adalah untuk mengetahui sifat sebenar tatabahasa yang digunakan.

Kemudian, dalam bidang perubatan Obstetrik dan Ginekologi (O&G) pula Hanaa. Adel Omar (2022) menjalankan kajian tentang penjagaan dengan pengetahuan dalam waktu usia kesuburan wanita. Kajian ini melibatkan seramai 101 orang wanita sebagai responden di Baghdad, Iraq. Dapatan kajian menunjukkan peratusan tertinggi 41.8% adalah usia antara 20-29 tahun. Di mana 60% adalah suri rumah, 31.8% adalah lepasan kolej. Malah, hasil kajian memperlihatkan juga pengetahuan wanita berkaitan komponen penjagaan kesuburan adalah tidak mencukupi tentang keperluan pengambilan asid folik, berat badan, diet yang sesuai, senaman, penjagaan gigi dan genetik. Namun begitu, responden mempunyai pengetahuan yang baik tentang keburukan merokok, alcohol, dadah terlarang, aspek alam sekitar serta kepentingan ujian darah. Malah, kajian ini signifikan tentang pengetahuan wanita berkaitan penjagaan, faktor usia mereka dan kerjaya. Anisah Che Ngah at al., (2019) menjalankan kajian berkaitan undang-undang dalam penjagaan kesihatan melibatkan ibu di Malaysia dengan melihat kepada hak pesakit wanita di hospital kerajaan. Kajian dijalankan untuk meneliti perundangan dalam perlindungan hak pesakit wanita semasa menggunakan wad bersalin serta bilik bersalin dalam perkhidmatan jagaan kesihatan wanita hamil. Malah, kajian ini melibatkan perundangan khusus kesihatan wanita, polisi kesihatan serta meneliti kelayakan juga kemampuan jumlah doktor bahagian perbidanan dan sakit puan sama ada memenuhi keperluan bilik juga wad bersalin di hospital kerajaan. Hasil kajian memperlihatkan terdapat polisi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang telah ditetapkan di wad dan bilik bersalin. Namun begitu, kekurangan berlaku dari segi perundangan dan polisi kerajaan yang khusus tentang hak pesakit (wanita hamil) terhadap kesihatan wanita.

Selepas itu, dalam kajian melibatkan penulisan ilmiah pula Mohammad Fadzeli Jaafar, Idris Aman dan Norsimah Mat Awal (2015) menjalankan kajian terhadap analisis kohesi wacana sains berdasarkan kohesi nahuan. Objektif kajian ini dijalankan bagi melihat bentuk dan strategi kohesi sains yang digunakan dalam tek sains terpilih. Seterunya, kajian menganalisis data daripada 24 makalah sains dalam jurnal *Sains Malaysiana* yang diterbitkan pada tahun 2012. Teori yang digunakan dalam analisis data adalah Teori Hassan & Halliday (1976) yang menggunakan model lima jenis kohesi yang digariskan, iaitu penggantian, ellipsis, rujukan, penghubung dan pautan leksikal. Hasil dapatan kajian mendapati wacana sains tulen menggunakan ciri yang objektif, logik dan ketepatan dalam menyampaikan maklumat. Antara kaedah yang digunakan adalah perulangan leksikal yang paling dominan digunakan dalam penulisan wacana sains tulen. Oleh itu, kajian menunjukkan penggunaan kohesi dalam wacana sains tulen adalah hampir seragam dalam bidang biologi, fizik dan kimia. Noraein Mansor dan Noor Rohana Mansor (2015) menjalankan kajian ilmiah tentang penerbitan ilmiah bahasa Melayu dalam kalangan ilmuwan negara di Malaysia. Kajian ini memerihalkan tentang kepentingan bahasa Melayu sebagai bahasa tertinggi di Malaysia sebagai penulisan ilmiah dalam penerbitan. Rentetan itu, kajian kes ini melibatkan 13 kluster yang diwujudkan di bawah Majlis Profesor Negara (MPN) pada tahun 2014. Antara kategori utama yang menjadi fokus kajian adalah penerbitan buku (buku, monograf dan bab dalam buku), jurnal dan artikel dalam prosiding seminar. Dapatan kajian menunjukkan penerbitan ilmiah di dominasi oleh penulisan

berbahasa Inggeris yang mewakili sebanyak 14% secara keseluruhannya. Oleh itu, penulisan ilmiah berbahasa Melayu sebanyak 34% adalah buku. Manakala jurnal pula sebanyak 8% dan kertas prosiding 11%. Hasil menunjukkan peratusan yang begitu rendah bagi penulisan ilmiah dalam bahasa Melayu di Malaysia.

Selanjutnya, bagi melihat teori wacana Hassan dan Halliday pula Nor Diyana Saupi dan Mohammad Fadzeli Jaafar (2020) menjalankan kajian berkaitan penanda wacana dalam manuskrip *Taj Al-Salatin*. Fokus kajian ini menumpukan kepada fungsi penanda wacana yang menjadi alat perpautan nahuan seperti yang diunjurkan dalam Teori Kohesi oleh Hassan dan Halliday (1995). Analisis kajian berpandukan data kekerapan daripada Malay Concordance Project (MCP) secara *online* atau atas talian. Dapatan memperlihatkan penanda wacana turut membawa fungsi lebih daripada alat perpautan nahuan. Malah, kata penanda wacana ‘arkaik yakni’ tidak digunakan lagi dalam teks bahasa Melayu moden. Bagi perkataan ‘adapun’ pula wujud sebagai penegas untuk topik utama dalam ayat. Oleh yang demikian, penanda wacana adalah fleksibel serta boleh digabungkan dalam pelbagai pengelasan kata untuk menerapkan fungsi penegasan. Thomas Aquinas San Ayen Anars Sitepu (2016) menjalankan kajian tentang kohesi dalam penyampaian pidato oleh George W. Bush. Bertajuk *Address to the Nation 9-11*. Kajian bertujuan mengukuhkan konsep Hassan dan Halliday (1976) melalui analisis wacana pada unsur kohesi dalam perkembangan penelitian analisis wacana serta linguistik. Hasil dapatan menunjukkan terdapat kata dan termasuk lima item kohesi antaranya adalah leksikal, konjungsi, substitusi dan pronominal. Terdapat hubungan antara setiap perenggan hingga memberi pengertian yang tersirat kepada pendengar dalam penyampaian pidato. Malah, pidato ini bertujuan memberi harapan dan kekuatan kepada warga Amerika dalam menghadapi sesuatu musibah.

Oleh yang demikian, kajian berkaitan kata adjektif, penulisan ilmiah dalam bahasa Melayu, bidang perubatan Obstetrik dan Ginekologi (O&G) serta Teori Hassan dan Halliday 1976 signifikan dengan kajian yang dijalankan ini. Hal ini kerana, penggunaan teori yang sama dalam analisis teks bertujuan mendapatkan penjelasan yang lebih jelas dalam aplikasi teori yang sama. Selain itu, lompong kajian lepas dapat memberikan idea baru dalam kajian yang dijalankan oleh penyelidik. Ruang yang menjadi lompong kajian lepas begitu penting dalam kajian yang sama atau hampir sama. Tambahan lagi, penjelasan melalui analisis data lepas dapat menunjukkan kekurangan serta cadangan yang boleh memberikan laluan dalam kajian seterusnya.

DAPATAN KAJIAN

Analisis data kajian menggunakan buku tulisan ilmiah dalam bidang perbidanan dan sakit puan, iaitu *Infertiliti Hala Tuju, Cabaran dan Seribu Pengharapan*. Data kajian diambil bermula halaman 1 hingga 65. Buku ini mengandungi sebanyak 6 bab di dalam buku. Malahan, buku yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) ini menggunakan bahasa Melayu standard yang bersesuaian dan berpotensi menjadi bahan kajian ilmiah. Pemilihan kata adjektif yang digunakan dalam penulisan buku ini bersandarkan sembilan pengelasan kata adjektif dengan merujuk *Tatabahasa Dewan 2015*. Oleh yang demikian, kata adjektif dikelaskan kepada kata adjektif sifatkan atau keadaan, kata adjektif ukuran, kata adjektif waktu, kata adjektif cara, kata adjektif jarak, kata adjektif perasaan, kata adjektif bentuk, kata adjektif warna dan kata adjektif pancaindera.

Kata adjektif dalam sistem bahasa Melayu dikenali juga sebagai kata sifat. Di mana, kata sifat merujuk kepada sembilan pengelasan kata adjektif. Menurut Abdullah Hassan (1993:17) menyatakan bahawa kata adjektif juga dikenali sebagai kata sifat. Malah, menurut Mariyati Haji Mohd Nor (2015:5) pula menjelaskan kata adjektif boleh dikenal pasti dan dibezakan daripada kata kerja dengan cirinya yang boleh didahului oleh atau diikuti kata

penguat. Selain itu, penggunaan kata adjektif di dalam penulisan ilmiah bertujuan menunjukkan sifat sesuatu gambaran keadaan melalui teks ilmiah.

Sembilan huraian tentang kata adjektif mengikut pengelasan *Tatabahasa Dewan* 2015:

- i. Kata adjektif sifatkan atau keadaan yang merujuk kepada sesuatu keadaan yang terjadi dalam sesuatu jangka masa tertentu. Keadaan bertujuan menunjukkan atau menggambarkan perkara yang berlaku melalui teks bagi memahamkan pembaca tentang sesuatu situasi.
- ii. Kata adjektif ukuran pula berperanan dalam memperlihatkan ukuran sesuatu item atau perkara yang melibatkan angka. Ia dijelaskan dengan menggunakan teks sebagai bacaan tanpa melibatkan angka untuk menunjukkan sesuatu ukuran. Malah, ia melibatkan item yang mempunyai jangka masa tertentu yang boleh diukur dengan jumlah angka.
- iii. Kata adjektif waktu merujuk kepada situasi yang berkaitan masa. Lazimnya, jangka masa yang mempunyai ruang antara masa lepas dan masa kini. Namun begitu, kata adjektif masa tidak merujuk kepada masa yang menggunakan angka. Ia merujuk kepada waktu yang tidak berkait dengan angka dalam waktu yang dilihat dalam matematik.
- iv. Kata adjektif cara adalah teknik sesuatu perkara dilakukan untuk menyelesaikan sesuatu permasalahan atau keperluan. Cara merujuk kepada sifat yang dilakukan oleh manusia atau haiwan yang boleh melakukan sesuatu perkara dengan teknik tertentu dalam kehidupan.
- v. Kata adjektif jarak bertujuan menunjukkan kata sifat yang melibatkan jarak sesuatu lokasi ke lokasi yang lain. Malah, jarak juga bertujuan menjelaskan perbezaan dalam usia manusia dan sebagainya yang melibatkan sesuatu jarak antara dua atau lebih.
- vi. Kata adjektif perasaan merujuk kepada emosi yang diterbitkan oleh makhluk yang bernyawa. Lazimnya, emosi atau perasaan dilahirkan oleh manusia atau haiwan yang ditulis dalam bentuk teks.
- vii. Kata adjektif bentuk adalah gambaran tentang keadaan bentuk sesuatu item melalui teks yang digunakan. Situasi ini ditulis bertujuan melihat bentuk yang berbeza dan pelbagai sesuatu item atau perkara lain dalam ayat.
- viii. Kata adjektif warna merupakan kata sifat yang menggunakan gambaran dan penambahan ayat bagi memahami sesuatu item, perkara dan keadaan dengan menggunakan warna. Oleh yang demikian, kata adjektif warna hanya melibatkan teks yang menulis sesuatu warna yang wujud di dunia ini.
- ix. Kata adjektif pancaindera pula menunjukkan anggota badan manusia yang boleh merasa melalui deria yang dijadikan secara semula jadi. Lazimnya, terdapat lima pancaindera dan deria yang digunakan oleh setiap manusia. Antaranya adalah penglihatan, pendengaran, merasa dengan lidah, merasa sesuatu dengan kulit atau anggota tubuh dan deria bau.

Bagi menjawab objektif kajian pertama untuk mengelaskan penggunaan kata adjektif mengikut sembilan pengelasan *Tatabahasa Dewan*, Jadual 1.0 menunjukkan hasil pengelasan kata adjektif mengikut jenis. Oleh yang demikian, pengelasan ini dibahagikan kepada sembilan bahagian kata adjektif yang melibatkan perasaan, ukuran, jarak, waktu, keadaan, cara, bentuk, warna dan pancaindera. Selain itu, dalam Jadual 1.0 juga dinyatakan kekerapan pengulangan yang menjadi salah satu bahagian dalam analisis wacana oleh Hassan dan Halliday (1976).

Bil.	Jenis Kata Adjektif	Perkataan	Kekerapan Pengulangan
1.	Kata adjektif sifat atau keadaan	sihat	3
2.		sempurna	2
3.		aktif	6
4.		teruk	3
5.		sukar	4
6.		enggan	5
7.		secepat	2
8.		gigih	1
9.		baik	6
10.		sensitif	1
11.		rumit	1
12.		selamat	6
13.		sibuk	3
14.		sedar	1
15.		selesa	3
16.		mudah	1
17.		stabil	1
18.		sesak	1
19.		serius	1
Jumlah Penggunaan Kata Adjektif			50
	Kata adjektif warna	-	-
21.	Kata adjektif ukuran	banyak	8
22.		lebih	33
23.		kurang	33
24.		merosot	1
25.		rendah	2
26.		berat	9
27.		kecil	7
28.		tinggi	2
29.		sama	20
30.		besar	5
31.		sedikit	4
32.		tepat	1
33.		naik	1
34.		turun	1
35.		pendek	1
36.		singkat	1
37.		panjang	1
38.		ringan	1
Jumlah Penggunaan Kata Adjektif			131
39.	Kata adjektif bentuk	tajam	1
Jumlah Penggunaan Kata Adjektif			1
40.	Kata adjektif waktu	sebelum	16
41.		tangguh	1
42.		selepas	31
43.		awal	6
44.		dahulu	1
45.		lanjut	2

46.		sekarang	1
47.		baharu	3
48.		segera	1
49.		klasik	1
50.		lama	3
51.		belum	1
52.		sudah	2
53.		sejak	1
Jumlah Penggunaan Kata Adjektif			70
54.	Kata adjektif jarak	antara	3
55.		jauh	1
56.		dekat	1
57.		hampir	1
Jumlah Penggunaan Kata Adjektif			6
58.	Kata adjektif cara	mudah	1
59.		belum	1
60.		pantas	1
61.		sempat	1
62.		lewat	1
Jumlah Penggunaan Kata Adjektif			5
63.	Kata adjektif perasaan	sedih	3
64.		teruja	2
65.		gembira	4
66.		terharu	1
Jumlah Penggunaan Kata Adjektif			10
67.	Kata adjektif pancaindera	comel	2
68.		halus	3
Jumlah Penggunaan Kata Adjektif			5
Jumlah Keseluruhan Kata Adjektif mengikut 9 Pengelasan Tatabahasa Dewan			278

Jadual 1.0: Penggunaan Kata Adjektif mengikut Sembilan Pengelasan *Tatabahasa Dewan 2015*.

Hasil dapatan di dalam Jadual 1.0 menunjukkan sebanyak 67 kata adjektif digunakan dalam penulisan dengan jumlah penggunaan secara berulang dan tanpa berulang sebanyak 278 perkataan. Oleh itu, penggunaan kata adjektif secara berulang dan tidak berulang bagi kata adjektif sifatkan atau keadaan (50 perkataan), kata adjektif ukuran (131 perkataan), kata adjektif bentuk (1 perkataan), kata adjektif waktu (70 perkataan), kata adjektif jarak (6 perkataan), kata adjektif cara (5 perkataan), kata adjektif perasaan (10 perkataan) dan kata adjektif pancaindera (5 perkataan). Bagaimanapun, kata adjektif warna tidak ditemui dalam penulisan buku *Infertiliti Hala Tuju, Cabaran dan Seribu Pengharapan*.

Seterusnya, kekerapan perulangan kata adjektif dalam pengelasan *Tatabahasa Dewan 2015* ditunjukkan dalam Jadual 2.0 yang memaparkan jumlah penggunaan kata adjektif. Bagaimanapun, hanya terdapat 7 sahaja jenis kata adjektif yang mengalami unsur perulangan sejajar dengan aplikasi Teori Hassan & Halliday 1976 dalam kohesi leksikal bagi menjawab objektif kajian kedua. Perulangan kata adjektif berlaku pada kata adjektif sifatkan atau keadaan, kata adjektif ukuran, kata adjektif waktu, kata adjektif jarak, kata adjektif cara, kata adjektif perasaan dan kata adjektif pancaindera. Ia menunjukkan terdapat sebanyak tujuh jenis kata adjektif yang berlaku pengulangan dalam penulisan buku perubatan Obstetrik dan Ginekologi (O&G) dalam bahasa Melayu.

Hal ini jelas menunjukkan bahawa, penulisan ilmiah dalam bidang sains perubatan menggunakan tatabahasa Melayu dengan meluas. Antaranya, adalah penggunaan kata adjektif dalam melengkapkan sesuatu frasa ayat agar dapat disampaikan dengan jelas oleh pembaca. Malah, perulangan penggunaan kata adjektif bertujuan menunjukkan sifat sesuatu perkara dengan menggunakan lapan jenis kata adjektif secara berulang kali. Namun begitu, penggunaan sembilan kata adjektif digunakan dalam buku *Infertiliti Hala Tuju, Cabaran dan Seribu Pengharapan*. Hanya kata adjektif bentuk sahaja tidak digunakan kerana kepentingan dalam menyampaikan sesuatu maksud tidak memerlukan gambaran sesuatu bentuk secara meluas. Manakala, lapan kata adjektif lain lebih banyak digunakan kerana kepentingannya dalam menyampaikan sesuatu maksud dalam ayat. Malah, kata adjektif warna tidak digunakan dalam penulisan yang bersifat saintifik ini kerana tidak mempunyai keperluan dalam bidang serta penyampaian ayat yang digunakan.

Bil.	Jenis Kata Adjektif	Perkataan	Kekerapan Pengulangan
1.	Kata adjektif sifat atau keadaan	sihat	3
2.		sempurna	2
3.		aktif	6
4.		teruk	3
5.		sukar	4
6.		enggan	5
7.		baik	6
8.		selamat	6
9.		sibuk	3
10.		selesa	3
Jumlah Kekerapan Pengulangan Kata Adjektif			41
11.	Kata adjektif ukuran	banyak	8
12.		lebih	33
13.		kurang	33
14.		rendah	2
15.		berat	9
16.		kecil	7
17.		tinggi	2
18.		sama	20
19.		besar	5
20.		sedikit	4
Jumlah Kekerapan Pengulangan Kata Adjektif			123
21.	Kata adjektif waktu	sebelum	16
22.		selepas	31
23.		awal	6
24.		dahulu	2
25.		sekarang	2
26.		klasik	3
27.		belum	3
28.		sudah	2
Jumlah Kekerapan Pengulangan Kata Adjektif			65
	Kata adjektif jarak	antara	3
Jumlah Kekerapan Pengulangan Kata Adjektif			3

30.	Kata adjektif perasaan	sedih	3
31.		teruja	2
32.		gembira	4
Jumlah Keperapan Pengulangan Kata Adjektif			9
33.	Kata adjektif pancaindera	comel	2
34.		halus	3
Jumlah Keperapan Pengulangan Kata Adjektif			5
Jumlah Pengulangan Kata Adjektif			246

Jadual 2.0: Keperapan Perulangan Kata Adjektif mengikut Sembilan Pengelasan *Tatabahasa Dewan* 2015.

Oleh yang demikian, Jadual 2.0 menunjukkan jumlah kata adjektif yang digunakan secara berulang sebanyak 34 kata adjektif yang membawa kepada kekerapan pengulangan yang digunakan sebanyak 246 perkataan. Keperapan pengulangan yang ditunjukkan oleh kata adjektif sifatkan atau keadaan (41 kali pengulangan), kata adjektif ukuran (123 kali pengulangan), kata adjektif waktu (65 kali pengulangan), kata adjektif jarak (3 kali pengulangan), kata adjektif perasaan (9 kali pengulangan) dan kata adjektif pancaindera (5 kali pengulangan). Bagaimana, tidak semua jenis kata adjektif mengalami unsur pengulangan bermula halaman 1 hingga 65 buku *Infertiliti Hala Tuju, Cabaran dan Seribu Pengharapan*. Antara kata adjektif yang tidak mengalami unsur pengulangan adalah kata adjektif bentuk. Hal ini kerana faktor bidang penulisan ilmiah yang tidak memerlukan penggunaan kata adjektif bentuk dalam penulisan.

KESIMPULAN

Oleh yang demikian, hasil analisis data mendapati penggunaan kata adjektif bergantung kepada keperluan penggunaan untuk menunjukkan situasi dalam sub bidang perbidanan dan sakit puan, iaitu *infertiliti* atau ketidaksuburan. Penggunaan kata adjektif ukuran mengungguli penulisan buku *Infertiliti Hala Tuju, Cabaran dan Seribu Pengharapan* kerana tujuan penulisannya untuk menunjukkan ukuran sesuatu item, prosedur klinikal dan tahap rawatan juga kesihatan manusia dalam ketidaksuburan. Manakala, kata adjektif warna tidak digunakan dalam penulisan buku ini kerana tidak penting bagi menggambarkan sesuatu perkara berkaitan ketidaksuburan manusia. Adalah diharapkan kajian yang dijalankan ini dapat memberikan idea baru untuk kajian seterusnya berkaitan kajian tatabahasa dalam penulisan ilmiah bidang sains tulen. Hal ini kerana, penulisan ilmiah dalam bidang sains tulen dalam bahasa Melayu begitu penting kepada masyarakat di Malaysia. Penggunaan bahasa utama ini mampu difahami di luar bandar mahupun di bandar tanpa mengira latar belakang.

Selain itu, kata adjektif atau kata sifat mempunyai tujuan tertentu dalam penulisan berbentuk teks yang dijadikan buku. Dalam penulisan ilmiah melibatkan penggunaan bahasa Melayu aspek bahasa begitu penting dan teliti untuk dijadikan bahan bacaan serta diterbitkan kepada umum. Menurut Noraien Mansor dan Noor Rohana Mansor (2015:26) menjelaskan ahli akademik negara bertanggungjawab dan memainkan peranan penting dalam melaksanakan amanah untuk membawa bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tinggi negara ke tahap global dalam konteks penerbitan ilmiah. Terdapat pelbagai karya ilmiah yang boleh menterjemahkan sesuatu kepakaran kepada masyarakat melalui bahasa Melayu. Menurut Noraien Mansor dan Noor Rohana Mansor (2015:26) lagi penerbitan ilmiah khususnya melalui karya buku, artikel dalam jurnal dan prosiding menjadi pentas utama bagi ahli akademik di institusi pengajian tinggi negara mendesiminasikan hasil penyelidikan dan inovasi terkini kepada masyarakat.

Selanjutnya, penerbitan buku *Infertiliti Hala Tuju, Cabaran dan Seribu Pengharapan* diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) bertujuan menyampaikan maklumat serta

teknologi dalam perubatan O&G yang melibatkan masalah kesuburan pasangan yang telah berkahwin. Teknologi terbaru lazimnya bermula di negara maju yang dibawa masuk ke Malaysia melalui pakar dalam bidang fertiliti. Oleh itu, menurut Noraien Mansor dan Noor Rohana Mansor (2015:26) hasil penyelidikan dan penerbitan ilmiah memberi peluang kepada perkongsian ilmu sejagat yang dapat mempamerkan keupayaan dan keserjanaan academia negara dalam mengekalkan tradisi keilmuan negara dan seterusnya mampu memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tinggi. Oleh itu, ahli akademik merupakan sarjana penting dalam kepakaran masing-masing yang membawa kepada perkembangan ilmu pengetahuan di negara ini. Maka, kemajuan negara boleh di kecapai melalui inovasi yang dibawa oleh bijak pandai melalui bidang yang diceburi.

Malah, penggunaan bahasa Melayu juga lebih meluas dengan penggunaan ayat yang boleh dijadikan ayat pasif mahupun ayat songsang. Namun begitu, garapan ayat ini masih mampu menyampaikan wahana ilmu dengan jelas kepada pembaca. Menurut Che Hazira Che Roza dan Hanita Hassan (2020:139) menjelaskan keupayaan penulis dalam memanipulasikan bahasa dengan sebaik mungkin akan menghasilkan penulisan yang berupaya memberi impak positif yang secara tidak langsung dapat mempengaruhi pembaca. Menurut Hazlina Abdul Halim et al., (2015:23) komunikasi yang berjaya memerlukan lebih daripada pengetahuan bahasa sasaran dan komunikasi berkesan berkemampuan menggunakan bahasa secara efektif untuk menyampaikan mesej. Oleh yang demikian, penulisan ilmiah dalam bidang sains perubatan menjadi salah satu alat komunikasi untuk menyampaikan mesej kepada masyarakat tentang masalah dalam fertiliti manusia dan cara untuk merawat menggunakan kaedah moden.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan. 1993. *Tatabahasa pedagogi bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Adibah Sulaiman @ Mohamad, Ezad Azraai Jamsari dan Nurliyana Mohd Talib. 2016. Konsep Ilmu menurut Perspektif Syed Sheikh Ahmad al-Hadi. *ISLAMIYYAT* 38(2) 2016. Hlm. 93 – 102.
- Anisah Che Ngah, Azlinda Baroni dan Noraihan Mohd Nordin. 2019. Undang-Undang Jagaan Kesihatan Ibu Di Malaysia: Hak Pesakit Wanita di Hospital Kerajaan. *International Journal of Public Health Research*. Vol 9, No 1 2019. Hlm. 1025-1042.
- Che Hazira Che Roza dan Hanita Hassan. 2020. Strategi Penggunaan Bahasa dalam Penulisan Rencana Ilmiah. *LSP International Journal*, Vol. 7, Issue 2, 2020. Universiti Teknologi Malaysia. E-ISSN 2601–002X. Hlm. 139-153.
- Hanaa. Adel Omar. 2022. Preconception Care Knowledge's Among Reproductive Age Women. *Malaysian Journal of Medicine and Health Sciences* (e-ISSN 2636-9346). Hlm. 1-6.
- Hashim Musa, Rozita Che Rodi dan Salmah Jan Noor Muhammad. 2014. Pelestarian Bahasa Melayu sebagai Bahasa Utama dalam Persuratan dan Pembudayaan Ilmu, Sains dan Teknologi di Rantau ini. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu (Iman)*. ISSN 2289-1706. Vol. 2 (2). Hlm. 3-19.
- Hazlina Abdul Halim, Roslina Mamat dan Normaliza Abd Rahim. 2015. Strategi Komunikasi Penulisan Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Perancis. *Jurnal Bahasa*. Jilid 15 Bil. 1 2015. Hlm. 21-40. Idris Aman dan Benazir Tanjung Fatkur Rahman. 2014. Strategi Pengenalan Teks Ilmiah Berbahasa Melayu: Dimensi Nahu. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)* 2(2), 2014. Hlm. 113-120.

- Idris Aman, Norsimah Mat Awal dan Mohammad Fadzeli Jaafar. 2014. Strategi Wacana Teks Akademik Sains dan Teknologi. GEMA Online. *Journal of Language Studies*. Volume 14(1), February 2014 ISSN: 1675-8021. Hlm. 189-202.
- Mariyati Haji Mohd Nor, Zaitul Azma Zainon Hamzah, Salina Husain dan Norizan Che Su .2015. Analisis Konstrastif Pembentukan Kata Adjektif Bahasa Melayu dan Bahasa Sepanyol. EDUCATUM - *Journal of Social Science* ISSN 2289-9391.Vol 1,2015. Hlm. 1–13.
- Mohammad Fadzeli Jaafar, Idris Aman dan Norsimah Mat Awal. 2015. Analisis Kohesi Wacana Sains Berdasarkan Teori Nahu Fungsian, *Jurnal Bahasa* Jilid 15 BIL. 1 2015.
- Mohammad Zakuan Mohd Fadzil Jama'yah Zakaria dan Norazlina Mohd Kiram. 2018. Akses Terbuka Sebagai Medium Pemartabatan Bahasa Melayu. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication*. Jilid 34(2) 2018. Hlm. 263-277.
- Muhammad Faris Iqbal Zaidi, Mohamad Zulfadzli Shamsuddin, dan Kamarul Azmi Jasmi. 2018. *Sumbangan Sains Islam dalam Sains Moden*. Prosiding Seminar Tamadun Islam 2018 pada 17hb. Ogos 2018 di Bilik Kuliah 6, Blok N28, UTM. Program anjuran Akademi Tamadun Islam, UTM. ISBN: 978-967-2171-28-7.Hlm. 219-240.
- Nik Hazlina Nik Hussain dan Shaiful Bahari Ismail. 2010. *Infertiliti Hala Tuju, Cabaran dan Seribu Pengharapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa dan Abdul Hamid Mahmood. (2015). *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noraein Mansor dan Noor Rohana Mansor. 2015. Penerbitan Ilmiah Bahasa Melayu Dalam Kalangan Ilmuwan Negara. *Journal of Business and Social Development*. Volume 3 Number 1, March 2015. Hlm. 25-32.
- Nor Diyana Saupi dan Mohammad Fadzeli Jaafar.2020. Penanda Wacana Adapun dalam Manuskrip Taj Al-Salatin. *Jurnal Bahasa* Jilid 20 Bil. 1 Jun 2020. Hlm. 1-20.
- Norliza Haji Jamaluddin. (2012). *Kata Adverba atau Kata Sifat?*. Fakulti Bahasa. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nur Hafizah Razali dan Normaliza Abd Rahim. 2016. Kata Adjektif dalam Ujaran Masyarakat Banjar. *Jurnal Ilmi*. Jilid 6 2016. Hlm. 1-10.
- Nurul Ain Alizuddin dan Nik Nur Athirah Nik Mohd Arif . 2021. Analisis Kesalahan Bahasa dalam Penulisan Bahasa Melayu Pelajar Antarabangsa. *International Social Science and Humanities Journal*. Vol. 4, No. 1 (2021) E-ISSN: 2637-0271. Hlm. 113-127.
- Thomas Aquinas San Ayen Anars Sitepu. 2016. *Kohesi pada Pidato George W. Bush: "Address To The Nation 9-11"*. Universitas Sam Ratulangi Fakulti Ilmu Budaya Manado 2016. Hlm. 1-14.